

Qalam

KDN 1275

Sha'abān 1385	Disember	1965
Bilangan 185	60	sen

Mengapa semua shaykh haji disalahkan?

En. Yusuf bin Mahmud wakil rakyat di Parlimen Malaysia di Kuala Lumpur telah menyalahkan Kedutaan Malaysia di Jeddah tidak menjalankan tugas memberi penerangan kepada jemaah-jemaah haji di Malaysia, dan dengan kerana itu, kononnya bakal-bakal haji tertipu oleh shaykh-shaykh haji.

Persoalan pergi ke Tempat Suci ini, selalu benar ditimbulkan oleh orang-orang kita di sini, dengan tidak menjalankan penyiasatan yang lebih jelas dan sempurna, dengan bukti akan apa yang terjadi dan yang akan berlaku ke atas diri mereka yang berkenaan. Banyak benar perkara-perkara yang memukul borong membuat tuduhan-tuduhan dan kesalahan kepada semua shaykh-shaykh haji, padahal barangkali ada beberapa daripada shaykh-shaykh itu yang memang nakal tetapi sebaliknya banyak daripada shaykh-shaykh haji itu yang dikenang orang jasa-jasanya dan kebaikannya sehingga kalau mereka itu datang ke tanah air kita ada yang berebut-rebut meminta tinggal di rumahnya bahkan ada juga di antara mereka yang “dilaknat” oleh bekas-bekas haji kerana tidak cukup melayan kepadanya, sekalipun mereka telah diraikan dengan secukupnya di sini. Ini adalah menunjukkan bahawa ada yang baik dan tentu juga ada yang tidak baik, tetapi tidaklah semuanya. Yang lazim, yang buruk disebut dan yang baik hilang. Kalau didapati ada yang buruk, kenapa tidak

diadukan kepada yang berwajib dengan bukti-bukti terutamanya pula ada pada masa sekarang kerajaan ‘Arabiyyah Sa‘ūdiyyah mempunyai duta di tanah air kita ini.

Persoalan yang selalu timbul patut menjadi perhatian kepada ahli-ahli parlimen itu ialah bahawa sebelum sampai di Mekah, di tanah air kita ini ada “tengkulak¹” yang memerah orang-orang kita. Ia memuji-muji seorang shaykh di Mekah dan tiap-tiap seorang yang masuk kepada shaykhnya menerusi “tengkulak” itu tadi adalah mesti dibayar kepada “tengkulak” itu kepada shaykh sebanyak lima puluh riyal dan terkadang-kadang \$50.00 (70 riyal) bagi seorang yang dihantar kepada shaykh itu.

Shaykh yang menerima orang itu tadi hanya diluluskan menerima bayaran bagi selama mereka tinggal di Mekah, terkadang-kadang tiga hingga empat bulan dengan bayaran 274 riyal (\$185.00) – 74 riyal daripadanya bagi shaykh Jeddah dan 200 riyal (\$140.00) buat shaykh Mekah termasuk menyempurnakan tempat, jamuan, *mutawif*, tempat di Arafah, tiga hari di Mina dengan 200 riyal itulah. Kalau tinggal di Mekah tidak berlayar hingga bulan Muḥaram maka tentunya shaykh-shaykh itu akan kena membayar pula sewa-sewa rumah tumpangan bagi mereka menumpang.

Daripada pengalaman penulis rencana itu sendiri, yang telah dua kali melawat ke sana pernah penulis mengatakan kepada duta kerajaan ‘Arabiyyah Sa‘ūdiyyah bahawa kalau penulis sendiri tidak sanggup menjadi shaykh dengan bayaran yang begitu murah kerana tiap-tiap hari kebanyakan daripada shaykh-shaykh itu menyediakan air dua tin seorang, minyak tanah untuk memasak disediakan dan air zam zam dihantar.

Jadi kalau orang-orang bakal haji sudah dimakan oleh “tengkulak” itu bagaimana keadaannya yang akan sempurna. Di mana-mana tempat kita pergi, kita boleh mendapat tempat yang cukup lapang dan shaykh-shaykh itu akan menyiapkannya

¹ Bermaksud pedagang, peraih. Rujukan – Dewan Bahasa dan Pustaka.